

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN WISMA HASIL KOTA KINABALU
DI KOTA KINABALU, SABAH
10 OGOS 2007**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATUK SERI PANGLIMA MUSA BIN HAJI AMAN
KETUA MENTERI SABAH

YG. BHG. DATO' DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

YG. BERUSAHA PUAN HASMAH BINTI ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL DALAM MAJLIS PERASMIAN WISMA HASIL KOTA KINABALU INI. SAYA BERASA AMAT BERBANGGA KERANA PADA HARI JUMAAT YANG MULIA INI, SAYA DAPAT BERSAMA-SAMA WARGA HASIL KHUSUSNYA, DAN RAKYAT SABAH AMNYA, BAGI UPACARA PERASMIAN INI.

2. SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDN) DI ATAS KEJAYAANNYA MEMBINA DAN MEMILIKI SEBUAH LAGI BANGUNAN PEJABAT SENDIRI. SAYA PERCAYA, PRASARANA FIZIKAL PEJABAT YANG LEBIH SEMPURNA INI AKAN MEMASTIKAN PERSEKITARAN KERJA YANG DAPAT MERANGSANG BUDAYA KERJA CEMERLANG SERTA MENGHASILKAN TAHAP PRODUKTIVITI YANG LEBIH BAIK.

3. SESUNGGUHNYA PRODUKTIVITI KERJA WARGA HASIL YANG TERUS MENINGKAT MEMBERI KESAN POSITIF TERHADAP JUMLAH KUTIPAN HASIL NEGARA. PADA TAHUN 2006, LHDN TELAH BERJAYA MENGUTIP HASIL SEBANYAK 65.74 BILLION RINGGIT. INI MERUPAKAN PENINGKATAN SEBANYAK 15.6 PERATUS BERBANDING KUTIPAN TAHUN SEBELUMNYA. MANAKALA BAGI TAHUN 2007 PULA, LEBIH 41 BILLION RINGGIT TELAH BERJAYA DIKUTIP SEHINGGA PERTENGAHAN BULAN JULAI. INI MERUPAKAN PENINGKATAN SEBANYAK 11.5 PERATUS BERBANDING TEMPOH YANG SAMA TAHUN LALU. PRESTASI INI MENUNJUKKAN LHDN MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TINGGI DALAM MENYEDIAKAN SUMBER DANA KE ARAH OBJEKTIF PEMBANGUNAN NEGARA YANG LEBIH MANTAP.

4. WALAUPUN PRESTASI SEMASA LHDN MEMBERANGSANGKAN, SAYA BERHARAP LHDN AKAN TERUS BERUSAHA KE ARAH MENINGKATKAN KECEKAPAN JENTERA PENTADBIRANNYA, SELARAS DENGAN KEHENDAK KERAJAAN UNTUK

MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM. INI ADALAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN TERUS KUKUH, DAN PADA MASA YANG SAMA MENYOKONG PERTUMBUHAN SEKTOR SWASTA YANG MAPAN. DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT, WARGA LHDN PERLU SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN KUTIPAN HASIL NEGARA DENGAN MEMPERGIATKAN AKTIVITI BERHUBUNG PEMUNGUTAN CUKAI, PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG, PEMANTAUAN TAHAP PEMATUHAN SERTA PENGANJURAN PROGRAM PENDIDIKAN CUKAI SECARA MELUAS.

5. DALAM HAL INI, SAYA MENYARANKAN AGAR RAKYAT SABAH KHUSUSNYA DAPAT MEMBERI KERJASAMA YANG SEBAIKNYA KEPADA LHDN DALAM URUSAN YANG BERKAITAN. SEKTOR SWASTA DAN KERAJAAN HARUS SAMA-SAMA BERGANDING BAHU UNTUK MEMASTIKAN KEWANGAN NEGARA BERADA PADA TAHAP YANG KUKUH SERTA MAPAN. PERANAN SETIAP WARGA SABAH YANG MENYUMBANG DARI SEGI KUTIPAN CUKAI AKAN MEMBANTU KERAJAAN MEMASTIKAN PEMBANGUNAN YANG PESAT DAN MENYELURUH DAPAT DICAPAI DAN DI KECAPI OLEH SEMUA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

6. MELALUI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI PENJANA UTAMA EKONOMI NEGARA. SUMBANGAN DAN SOKONGAN DARIPADA PIHAK KERAJAAN TERMASUK LHDN, MELALUI PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DAN PENGGALAKAN TADBIR URUS YANG BAIK, AKAN DAPAT MEMBANTU NEGARA DALAM MEREALISASIKAN MATLAMAT MURNI INI. DALAM MENYUSURI ARUS GLOBALISASI DAN PEMODENAN YANG PESAT, AGENSI-AGENSI KERAJAAN SEHARUSNYA SENANTIASA Mencari PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI DAN MENAMBAHBAIK SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM MASING-MASING.

7. ANTARA SALURAN UNTUK MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM INI ADALAH DENGAN MEMANFAATKAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT). SEMEMANGNYA KITA TIDAK BOLEH MENAFIKAN KEPENTINGAN ICT YANG SEMAKIN BERKEMBANG PESAT. ERA KOMUNIKASI PANTAS DAN APLIKASI TEKNOLOGI PINTAR SEMAKIN MENDAPAT TEMPAT DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI. DENGAN ITU, KERAJAAN BERUSAHA MEMPERKENALKAN E-KERAJAAN SELARAS DENGAN KEHENDAK AWAM YANG PANTAS MENGEJAR PERKEMBANGAN TEKNOLOGI.

8. SAYA PERCAYA, KERAJAAN NEGERI SABAH DAN JUGA LHDN TIDAK KETINGGALAN DALAM MENYAHUT SERUAN KERAJAAN INI. SEBAGAI CONTOH, LHDN BEGITU AKTIF DALAM MEMPROMOSIKAN E-FILING YAKNI SATU KAEDAH MEMFAIL BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN SECARA ELEKTRONIK SERTA JUGA E-BAYARAN. USAHA LHDN INI MEMANG TEPAT PADA MASANYA MEMANDANGKAN PENGENALAN E-FILING MEMBERI IMPAK POSITIF YANG SANGAT BESAR KEPADA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA INI. SAYA BERHARAP LHDN DAN JUGA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG LAIN AKAN TERUS BERUSAHA MENAMBAHBAIK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MEREKA MELALUI PENGGUNAAN ICT SERTA PELAKSANAAN PROSES TADBIR URUS BAIK (BEST PRACTICE) YANG LAIN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

9. TAHUN INI KITA AKAN MERAIKAN ULANGTAHUN KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE-50. DALAM MASA TERSEBUT, NEGARA TELAH MENCAPI KEMAJUAN YANG MEMBERANGSANGKAN, DENGAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN DAN PRASARANA FIZIKAL YANG PESAT. SEPERTI YANG SELALU SAYA NYATAKAN, DALAM KITA MENGORAK LANGKAH KE ARAH WAWASAN 2020, PEMBANGUNAN MODAL INSAN PERLU DIBERI PENEKANAN PADU. KITA MAHU NEGARA BUKAN SAHAJA MEMILIKI PRASARANA 'KELAS PERTAMA' TETAPI JUGA MEMPUNYAI MINDA 'KELAS PERTAMA'. OLEH ITU, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN MENAMBAH BAIK SISTEM PENDIDIKAN NEGARA DEMI MEMASTIKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG MENYELURUH.

10. PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENDIDIKAN DAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN TIDAK MUNGKIN DAPAT DILAKSANAKAN SEKIRANYA KEMAJUAN EKONOMI DAN KESTABILAN KEWANGAN TIDAK DICAPAI. DALAM HAL INI, LHDN MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING SEBAGAI SALAH SATU PENYUMBANG UTAMA HASIL NEGARA, DEMI MENJANA PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERTERUSAN. DALAM KONTEKS INI, WARGA KERJA LHDN SENDIRI PERLU MEMAINKAN PERANAN DENGAN MEMPERTINGKATKAN TAHAP PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN MASING-MASING, UNTUK MENCAPI TAHAP PERKHIDMATAN YANG LEBIH CEMERLANG. OLEH ITU, PROGRAM BERBENTUK PEMBANGUNAN MODAL INSAN SEPERTI LATIHAN DAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT PERLU DIBERI PENEKANAN KE ARAH OBJEKTIF TERSEBUT.

11. AKHIR SEKALI, SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN INI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENINGATKAN SEMUA AGAR SENTIASA BERSYUKUR DENGAN LIMPAHAN REZEKI DAN KEMAKMURAN YANG DIKURNIAKAN SEPANJANG NEGARA MENGECAPI KEMERDEKAAN. SEMOGA SEGALA USAHA DAN KOMITMEN KITA AKAN TERUS DILIMPAHI DAN DIBERKATI ALLAH SWT. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN WISMA HASIL KOTA KINABALU.

SEKIAN, TERIMA KASIH.